

**TEKS PERGULUNGAN  
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022  
PENGAL PERTAMA**

Terima kasih Dato Speaker Dewan kerana memberi laluan kepada Pinang Tunggal dalam ucapan penggulungan pada hari ini.

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera buat semua ahli sidang muda yang bersidang pada hari ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan buat semua ahli sidang muda yang mengambil bahagian dalam ucapan pada hari ini. Jelas di sini menunjukkan bahawa Ahli Sidang Muda komited untuk menyumbang idea dan pandangan untuk pembangunan negeri tercinta.

Yang Berhormat Dato Speaker,

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Seberang Jaya dalam ucapan perbahasan tentang pendirian dan tindakan kerajaan negeri Pulau Pinang dalam isu perkahwinan bawah umur khususnya dalam kalangan orang Islam. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Seberang Jaya kerana cakna tentang isu ini.

Yang Berhormat Dato Speaker

Untuk makluman ahli sidang Muda sekalian, Persoalan perkahwinan remaja bawah umur adalah isu yang dibahaskan di peringkat Nasional. Semestinya isu ini turut menjadi perhatian dan perbahasan beberapa agensi agama di Negeri Pulau Pinang iaitu :

1. Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang
2. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP),
3. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP),
4. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan juga
5. Jabatan Pendakwaan Syarie Negeri Pulau Pinang

Isu perkahwinan remaja perempuan bawah umur turut melibatkan beberapa perkara utama yang perlu diberi perhatian, antaranya ialah:

### **1. Syariat Islam itu sendiri.**

Hukum asal perkahwinan bawah umur di dalam syariat Islam adalah harus. Justeru, sebarang perbahasan bagi menaikkan umur perkahwinan bagi seseorang remaja perempuan bukan dengan tujuan untuk menentang hukum asal tetapi lebih kepada menjaga maslahat serta kepentingan wanita itu sendiri.

### **2. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 2004.**

Peruntukan Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 2004 adalah seperti berikut: Tiada sesuatu perkahwinan boleh diadnikahkan di bawah Enakmen ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.

Sebarang pindaan terhadap undang-undang yang telah digazetkan ini perlulah melalui beberapa proses tatacara perundangan yang sah.

**3.** Sekalipun isu ini menjadi perhatian netizen dan berharap mendapat perubahan segera, namun perkara ini perlu dilaksanakan secara berhemah dan mengikut tatacara perundangan yang selari dengan peringkat kebangsaan bukan sahaja fokus untuk Negeri Pulau Pinang semata-mata.

**4.** Memandangkan pentadbiran pengurusan hal ehwal agama Islam di Negeri Pulau Pinang adalah dibawah pemantauan dan perhatian, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, maka perkara ini perlulah melalui tapisan yang berperingkat, agar dapat memberi impak jangka pendek dan jangka panjang yang tidak memberi kesan negatif kepada masyarakat Islam Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**5.** Selain daripada itu, apa-apa kertas cadangan yang dibuat berhubung dengan isu ini perlulah melalui perbincangan di peringkat dasar bagi membuat pindaan dari aspek perundangan dan perlu juga mendapatkan pandangan ulamak mengenai penetapan umur dari aspek hukum syariat Islam itu sendiri.

**6.** Antara perbincangan yang telah dilaksanakan berkenaan perkara tersebut adalah seperti berikut:

**SIDANG MUDA  
PULAU PINANG**

61 Kertas cadangan mengenai permohonan pindaan Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 2004 berkenaan umur perkahwinan remaja perempuan dari 16 tahun kepada 18 tahun, telah dibentang di dalam Jawatankuasa Teknikal Syarak MAINPP yang dipengerusikan oleh YB Dato' Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

62 Pada 8 Disember 2021, kertas cadangan permohonan pindaan umur dari 16 ke 18 tahun bagi Seksyen 8, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 2004 telah dibentangkan di dalam Mesyuarat MAINPP bil. 5/2021.

63 Seterusnya dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada bulan Ogos 2022 akan datang.

64 Selepas daripada itu, perbahasan mengenai isu pindaan umur ini juga akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang bagi negeri-negeri di bawah seliaan Ke Bawah Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang dipengerusikan oleh SPBYDPA bagi seluruh Malaysia.

65 Keputusan yang diperolehi kemudiannya akan dimaklumkan di dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Beberapa langkah utama yang telah dilaksanakan bagi mengekang perkahwinan bawah umur pada masa kini adalah dengan memperketatkan kelulusan bagi sebarang permohonan yang dikemukakan oleh pihak yang terbabit, antaranya ialah:

1. Pihak yang memohon untuk melaksanakan perkahwinan bawah umur ini perlu mendapatkan kelulusan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.
2. Mendapat pengesahan dari Pendaftar Kanan di Pejabat Agama Daerah
3. Mendapat kelulusan dari pihak Hakim Syarie.

Walaupun bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa perkahwinan bawah umur juga mempunyai beberapa kebaikan demi kemaslahatan pihak pengantin perempuan itu sendiri, antaranya ialah:

1. Mengekang daripada berleluasa maksiat perzinaan di dalam masyarakat Islam.
2. Menyelamatkan maruah bagi seorang wanita dan juga keluarganya kerana ada juga perkahwinan berlaku disebabkan oleh keterlanjuran.
3. Mengelakkan lebih banyak kelahiran anak tidak sah taraf di kalangan generasi muda.

Justeru kesedaran semua pihak sama ada di kalangan remaja perempuan, remaja lelaki, keluarga dan anggota masyarakat serta pihak yang berwajib adalah sangat penting bagi membendung pelbagai masalah mengenai perkara ini berlanjutan. Usaha dan kempen yang berterusan sangat diperlukan ke arah mencapai Gagasan Khaira Ummah 2030 seperti yang dicita-citakan.

Yang Berhormat Dato Speaker,

Berkenaan dengan cadangan yang dibangkitkan oleh Jawi tentang usaha atau inisiatif untuk menubuhkan sebuah pertubuhan tenagaburuh kepada warga gelandangan. Impak daripada cadangan ini adalah dapat:

1. Mengurangkan warga gelandangan yang berkeliaran yang memburukan imej negeri
2. Menyelesaikan isu kekurangan tenaga buruh dengan menggantikan buruh warga asing dengan buruh warganegara iaitu golongan gelandangan.
3. Memberikan bantuan awal psikologi supaya golongan gelandangan bukan sahaja dapat diintegrasikan ke dalam masyarakat

Jadi setelah melihat cadangan ini, inisiatif di pihak kerajaan adalah dalam usaha menerima cadangan ini setelah mengambil kira kebaikan semua pihak termasuk untuk negeri kita yang tercinta ini.

#### **Penutup**

Sebelum saya menutup ucapan penggulungan ini saya ingin mengucapkan terima kasih atas soalan dan cadangan yang diberikan oleh ahli sidang muda bagi meneruskan agenda untuk pembangunan negeri serta mencapai visi Penang 2030.

Sekian, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Terima kasih.

**Nurul Syamimi Binti Rosli**  
**N03 Pinang Tunggal**  
**Sidang Muda 2022 Penggal Pertama**

